

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan Kertas Cadangan Penyelarasan Gaji Pegawai Perubatan Kontrak memandangkan prinsip Upah Mengikut Kerja tidak dilaksanakan dengan baik kepada semua pegawai perubatan. Adakah Kementerian Kesihatan akan mengiktiraf bahawa tugas dan tanggungjawab Pegawai Perubatan Kontrak adalah setara dengan Pegawai Perubatan Lantikan Tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan menghargai setiap pegawai yang berkhidmat sama ada secara tetap, mahupun kontrak. Namun begitu, perlu difahami bahawa lantikan kontrak ini merupakan satu penyelesaian kepada masalah perjawatan tetap yang terhad berbanding dengan keluaran graduan.
2. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap laluan kerjaya semua skim perkhidmatan yang terlibat, terutama bagi Pegawai Perubatan.
3. **Kertas cadangan pelaksanaan pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan yang menjalani khidmat wajib atas Gred UD43 telah dibentangkan sebelum ini, namun Kementerian Kesihatan**

diminta untuk meneliti semula dengan melaksanakan beberapa elemen penjimatan. Kertas tersebut telah siap dikemaskini serta telah mendapat ulasan daripada Kementerian Kewangan (MOF), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). **Kertas ini akan dibentangkan semula untuk kelulusan Kerajaan dalam masa terdekat.**

4. **Pelarasan gred ini dilaksanakan berdasarkan prinsip *rate for the job* (dengan izin) dan selaras dengan laluan kerjaya Pegawai Perubatan lantikan tetap.** Namun, bagi memastikan tempoh khidmat wajib berjalan lancar, pada masa ini Kerajaan masih menawarkan kontrak untuk melengkapkan khidmat wajib pada Gred UD41. **Perubahan gred pegawai akan diselaraskan semula kepada Gred UD43 setelah pelaksanaannya diluluskan oleh Kerajaan.**

5. KKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan semasa dan akan datang. Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa pertambahan jawatan Pegawai Perubatan adalah bergantung kepada keperluan perkhidmatan terutama di fasiliti baharu dan yang dinaik taraf serta keupayaan kewangan Kerajaan, dan bukannya bergantung kepada faktor jumlah keluaran graduan.

Sekian, terima kasih.